

## **ANALISA PENULISAN KARYA FIQH MELAYU 1600-1800**

*Analyse Malay Fiqh Works Writing 1600-1800*

Mohd Puaad Bin Abdul Malik<sup>1</sup>  
Faisal @ Ahmad Faisal Bin Abdul Hamid<sup>2</sup>  
Rahimin Affandi Abd. Rahim<sup>3</sup>

### ***Abstrak***

*Pada dasarnya, artikel ini bakal menumpukan perhatian terhadap subjek karya fiqh Melayu klasik 1600-1800. Karya-karya fiqh Melayu klasik adalah karya intelektual Melayu yang dihasilkan oleh sarjana Melayu-Islam dalam pelbagai topik dan perbincangan hukum Islam yang merangkumi ibadah, muamalah, munakahat dan lain-lain. Karya fiqh Melayu ini memainkan peranan penting dalam masyarakat Melayu pada awal perkembangan Islam di alam Melayu. Ia sebagai alat komunikasi, pengilmuan mahupun médium pengembangan ilmu. Premis artikel ini menganalisis penulisan karya fiqh yang berkembang di awal era kegemilangan intelektual alam Melayu. Terdapat ciri-ciri penulisan fiqh pada tahun 1600 dan ianya berbeza dengan ciri penulisan fiqh pada tahun 1700 dan 1800. Perbincangan penulisan ini termasuklah perbezaan teks penulisan dan gaya penulisan fiqh dan ditinjau dari pelbagai skop, item dan ciri penulisan. Kaedah analisis yang digunakan ialah kaedah pensejarahan atau historicisme yang meneliti perkembangan sesuatu idea. Fakta yang diperolehi akan ditapis dengan teliti dengan menggunakan pendekatan induksi sejarah alam Melayu. Kajian menunjukkan penulisan fiqh Melayu klasik terawal mempunyai identiti dan keunggulan yang tersendiri dan merupakan karya intelektual alam Melayu.*

*Kata Kunci : Karya fiqh, Alam Melayu, Islam, Masyarakat Melayu*

### ***Abstract***

*In essence, this article will focus on the subject classical Malay fiqh works 1600-1800. Classical Malay fiqh works are Malay intellectual works produced by Malay Muslim scholars in various topics of Islamic law including worship (ibadah), commercial transaction law (muamalah), family law (munakahat) and others. This fiqh Malay work played an important role in Malay society at the beginning of Islamic development in the Malay world. It is a means of*

<sup>1</sup> Calon Phd, Jabatan Sejarah dan Tamadun Islam, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, Kuala Lumpur. E-mail [puaadmalik@siswa.um.edu.my](mailto:puaadmalik@siswa.um.edu.my)

<sup>2</sup> Pensyarah kanan dan penyelia calon di Jabatan Sejarah dan Tamadun Islam, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, Kuala Lumpur. E-mail [faisal@um.edu.my](mailto:faisal@um.edu.my)

<sup>3</sup> Prof. Madya dan Penyelia Calon dari Jabatan Fiqh dan Usul, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, Kuala Lumpur. E-mail [faqir\\_ilia\\_rabbih@um.edu.my](mailto:faqir_ilia_rabbih@um.edu.my)

*communication, scientific knowledge or developmental science. The premise of this article analyzes the writing of fiqh works that developed in the early days of the great intellectual nature of the Malay world. There are features of fiqh writing in the year 1600 and it is different from the features of fiqh writing in 1700 and 1800. The discussion of this writing includes the difference between the writing text and the style of writing fiqh and being reviewed from various scopes, items and writing features. The method of analysis used is the method of historiography or historicalism which examines the development of an idea. Facts obtained will be thoroughly screened using the Malay induction history approach. Research shows that the earliest classic Malay fiqh writing has its own identity and superiority and is a Malay intellectual work.*

Keywords: *Malay fiqh works, Malay world, Islam, Malay society*

## Pendahuluan

Tempoh semenjak abad ke-17 hingga awal abad 19 banyak melahirkan asas-asas intelektualiti yang cemerlang melalui pelbagai karya yang tahan zaman.<sup>4</sup> Kebanyakkan karya-karya ini belum dikaji secara menyeluruh dan diteliti baik dalam lingkungan sejarah dunia Melayu itu sendiri mahupun dalam dinamika wacana intelektual. Berasaskan kepada kenyataan diatas, permis penulisan ini akan menerokai penulisan karya fiqh Melayu klasik 1600-1800. Asas kajian ini ialah meneliti ciri penulisan, kandungan dan idea penulisan karya fiqh Melayu yang digarap oleh pengarang karya fiqh mengikut pola penulisan klasik dunia Melayu. Justeru, dalam mengkaji dan meneliti kajian ilmiah perkembangan awal karya fiqh seseorang itu perlu berhati-hati, bersikap apologatik dan menilai sesuatu perkembangan silam dari konteks zamannya dan bukannya dengan kaca mata persekitaran masa sekarang.<sup>5</sup> Begitu juga, bagi memahami proses perkembangan intelektual ia mestilah merujuk kepada ketulenan karya-karya asli agar kemampuan dan daya sesuatu karya itu dapat diterjemahkan dari sudut bahasa dan tafsiran ulama terdahulu dalam menghasilkan karya penulisan.<sup>6</sup>

Berdasarkan lakaran sejarah, perjalanan penulisan karya bercorak agama boleh dikatakan seiring dengan kedatangan Islam di alam Melayu. Tradisi keilmuan dan pendidikan yang diwarisi dari zaman berzaman dapat menjelaki penulisan dan penghasilan manuskrip ataupun kitab-kitab kuning terdahulu.<sup>7</sup> Penulisan karya-karya bercorak agama ini ditulis bermulanya dengan bertapaknya Islam dan penyebaran pengaruhnya di alam Melayu. Seterusnya penulisan dan penghasilan penulisan ini membentuk satu kefahaman kepada

<sup>4</sup>Antara contoh penulisan yang boleh nyatakan seperti penulisan oleh S.M. Naquib al-Attas, *Preliminary Statement On A General Theory Of The Islamization Of The Malay-Indonesian Archipelago* yang menjelaskan era alam Melayu suatu era yang penting dalam sejarah perkembangan intelektual Islam di alam Melayu.

<sup>5</sup> Shafie Abu Bakar, Keilmuan Islam dan Tradisi Pengajaran Pondok, dalam Budi Kencana, Kuala Lumpur, 1994, 93-94.

<sup>6</sup> Mahayudin Yahya, *Naskhah Jawi Sejarah dan Teks Jilid 1*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1994, xvi.

<sup>7</sup> lihat Jamaludin, Saadan Man, Mohd Anuar Ramli, Mohammad Aizat, *Sumbangan Ulama Melayu Klasik dalam Menjana Budaya Ilmu di Alam Melayu*, edit Norarfan Zainal et.al., dalam Membongkar Rahsia Pendidikan Islam, Brunei : Penerbit Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan, (2012), 285-289.

masyarakat mengenai ajaran Islam secara berperingkat-peringkat. Ia adalah sesuai dengan sifat universal yang terdapat pada ajaran Islam. Ajaran Islam yang efektif telah membawa pengaruh dalam pembentukan bahasa dan kesusasteraan Melayu terutamanya dalam usaha menyebarkan fahaman Islam melalui bahasa persuratan dan penulisan.<sup>8</sup> Ajaran Islam yang disebarluaskan ke alam Melayu telah membawa budaya dan ilmu. Antara budaya yang dibawa oleh Islam adalah membaca dan menulis.<sup>9</sup> Kedatangan ajaran Islam juga membawa bersama karya Islam yang akhirnya diminati oleh masyarakat<sup>10</sup> dan membentuk satu perubahan dinamik terhadap budaya masyarakat Melayu.<sup>11</sup> Impaknya, berlaku penyebaran Islam secara meluas dan ia memperlihatkan perkembangan yang pesat dalam tradisi penulisan di Nusantara. Kenyataan ini dikuatkan dengan tradisi tamadun Islam telah membuktikan melalui ajaran Islam yang dipupuk oleh baginda Rasulullah SAW adalah melalui kemahiran menulis.<sup>12</sup>

## **Skop Dan Metodologi**

Dalam menyempurnakan penulisan ini, metodologi kajian yang digunakan oleh penulis ialah menggunakan reka bentuk kualitatif<sup>13</sup> melalui pendekatan dua metode iaitu metode pengumpulan data dan metode analisis data. Secara keseluruhannya, kajian ini merupakan analisis dokumen berdasarkan kajian perpustakaan. Bagi mendapatkan bahan, maklumat dan data, pengkaji menggunakan kaedah merangkumi metode dokumentasi. Penulis mengumpulkan data dan maklumat yang dikaji melalui pelbagai sumber primer dan sekunder seperti karya asal fiqh, manuskrip, buku asal, jurnal, kajian ilmiah, kertas kerja seminar, akhbar, majalah dan bahan rujukan elektronik. Setelah memperolehi data-data yang mencukupi dengan mengaplikasikan metode pengumpulan data, pengkaji akan menganalisis secara terarah maklumat tersebut dengan metode perbandingan, metode pengamatan dan pemerhatian karya-karya fiqh serta metode analisis kandungan.

<sup>8</sup> Salsabil Mohd Zain, Mustaffa Abdullah, Muhammad Ali Hanafiah Norasid, *Penulisan Manuskip Jawi di alam Melayu: Satu Tinjauan Historis dalam Islam dan Ketamadunan Melayu Sumbangan ke Arah Kemajuan Sejagat*, ed. Mohd Roslan Mohd Nor & Khadher Ahmad, jilid 1, 2014, 236.

<sup>9</sup> Mahayudin Yahaya, *Islam di Alam Melayu* (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1998), 60.

<sup>10</sup> Rahmah Ahmad H. Osman Mohd Shahrizal Nasir, *Sastera Islam: Satu Perbandingan antara Pandangan Mohd Affandi Hassan dengan Abu al-Hasan Ali al-Nadwi*, *Jurnal e-Utama*, vol. 3, (2011), 1.

<sup>11</sup> Ahmad Misbah Muhamad Hilmie, Mohd. Faisal bin Mohamed, Nur Syahidah Abdul Rahman, Abdul Aziz Awang Kechik, Manuskrip Hujjatul Balighah Karya Syeikh Jalaluddin Al-Asy: Kajian Tahqiq Teks Bab Pendakwaan, *e-Jurnal Penyelidikan dan Inovasi*, vol. III, no. I, (2016), 140.

<sup>12</sup> Ini jelas dapat dilihat bagaimana tindakan Rasulullah SAW dalam peperangan badar. Baginda meminta setiap tawanan perang tentera musuh yang pandai menulis dan membaca agar mengajar sepuluh orang anak orang Islam kemahiran tersebut sebagai salah satu cara untuk mendapatkan pembebasan lihat Mubarakfuri S.R, *al-Rahiq al-Makhtum: Bahth fi al-Sirah al-Nabawiyah* (Tanta: Dar al-Basyir, 1987); Demikian juga, para sahabat Nabi SAW juga menggalakkan anak-anak dan murid-murid mereka mencatat dan menulis. Antaranya Anas ibn Malik r.a. yang menggalakkan anaknya supaya menulis hadis. Begitu juga dengan 'Abd Allah ibn 'Abbas r.a., 'Umar ibn al-Khattab, 'Ali ibn Abi Talib yang menggalakkan murid-murid mereka supaya menulis dan merekodkan setiap ilmu yang dipelajari mereka; 'Ajjaj al-Khatib, *Usul al-Hadith Ulumuhu wa Mustalahuhu* (Jeddah: Dar al-Manarat, 1997), 171.

<sup>13</sup> Penyelidikan kualitatif adalah penemuan-penemuan yang tidak dapat dicapai dengan menggunakan prosedur-prosedur statistik atau dengan cara kuantifikasi lainnya. Penyelidikan kualitatif dapat digunakan untuk meneliti kehidupan masyarakat, sejarah, tingkah laku, fungsionalisasi organisasi, pergerakan-pergerakan sosial atau hubungan kekerabatan; Lexy J. Moleong, *Metodologi Penelitian Kualitatif* (Bandung: Karya Cv, 1993), 1-3; Basrowi Sukidin, *Metode Penelitian Kualitatif Perseptif Mikro*, (Surabaya: Insan Cendakia, 2002), 1.

## Penulisan Karya Fiqh Alam Melayu

Kedatangan Islam ke alam Melayu adalah penyumbang utama kepada kelahiran kegiatan penulisan buku dan karya.<sup>14</sup> Penulisan dan pengkaryaan merupakan suatu tradisi ulama Islam selain daripada belajar dan mengajar. Menurut Abdul Kadir Muhammad penulisan fiqh terbahagi kepada beberapa bahagian. Antaranya, penulisan awal hukum Islam, penulisan hukum Islam pada abad ke 19 dan penulisan hukum Islam abad ke 20.<sup>15</sup> Menurut catatan sejarah, perkembangan ilmu-ilmu Islam dan penulisan karya fiqh Jawi Melayu di Nusantara ini telah berlaku pada sebelum atau bermula pada abad ke-16. Kebanyakkan karya ilmiah bertulis yang dihasilkan oleh sarjana Melayu-Islam dalam pelbagai disiplin ilmu keislaman sama ada bersifat teoritikal (*seperti disiplin teologi*) ataupun praktikal (*fiqh dan tasawuf*).<sup>16</sup> Tidak dinafikan karya-karya ini memainkan peranan penting dan mempunyai pengaruh yang cukup besar serta menjadi rujukan penting dalam tradisi keilmuan di alam Melayu.<sup>17</sup> Dalam aspek penulisan fiqh, terdapat pelbagai karya sama ada dalam Bahasa Melayu atau Arab yang meliputi pelbagai metodologi penulisan sama ada penulisan sendiri, terjemahan kitab Bahasa Arab, soal jawab agama, ringkasan atau ulasan kepada sesuatu karya lain.<sup>18</sup>

Penulisan karya tulisan jawi khususnya dalam bidang fiqh boleh dikatakan berkembang seiring dengan perkembangan ilmu-ilmu agama yang lain. Ini kerana, ilmu fiqh berkembang sejajar dengan ilmu-ilmu Islam lain di Nusantara. Perkembangan awal bermula dengan tradisi lisan diikuti dengan hasil karya tulisan dan kemudian dalam bentuk cetakan. Kebanyakan penulisan dekad awal penulisan karya fiqh mencerminkan realiti masyarakat iaitu perkara berkaitan ibadah berbanding yang mempunyai kandungan yang tersirat di sebalik kata-kata yang rencam seperti karya fatwa dan karya *khilafiyah*. Dari sudut pengajian, peringkat awal dakwah Islam di alam Melayu tidak terdapat pengajian fiqh secara formal berdasarkan penggunaan metode dan pengajaran secara sistematik dengan menggunakan kitab-kitab fiqh. Namun, terdapat pengajian bercorak agama pada peringkat awal yang dijalankan di istana-istana.<sup>19</sup> Tidak dinafikan pengajian fiqh secara tidak langsung telah mula diperkenalkan semenjak bertapaknya Islam di alam Melayu. Ini kerana pendakwah dan mubaligh Islam awal lebih fokus menerapkan ajaran ilmu utama dan bersifat ibadah. Ini

<sup>14</sup> Faizuri bin Abdul Latif & Faisal @ Ahmad Faisal Bin Abdul Hamid, Tradisi Penulisan Hadith dalam Karya Ulama Melayu: Kajian Terhadap Kitab ‘Aqidah al-Najin, Jurnal Usuluddin, bil 30, (2009), 92.

<sup>15</sup> Abdul Kadir bin Haji Muhammad, *Sejarah Penulisan Hukum di Malaysia* (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1996), 1-98.

<sup>16</sup> Muhammad Abu Bakar, “Pendirian dan Pembangunan: Islamisasi dan Isu-Isu Semasa dengan Rujukan kepada Tugas Generasi Ulul Albab dalam Abad Ke-21”, dalam *Islam Dan Masyarakat Maju* (Kuala Lumpur: Angkatan Belia Islam Malaysia, 1993), 39-48.

<sup>17</sup> Abdul Hadi W.M, “Islam di Indonesia dan Transformasi Budaya”, dalam Komaruddin Hidayat dan Ahmad Gaus AF (Ed.), *Menjadi Indonesia: 13 Abad Eksistensi Islam di Bumi Nusantara* (Jakarta: Mizan, 2006), 470-471.

<sup>18</sup> Najahudin Lateh et el., “*Tematik Emas dalam Karya Fiqh Ulama Alam Melayu: Tinjauan Terhadap Kitab al-Sirat al-Mustaqim, Furu’ al-Masail dan Bahr al-Madhi*” Seminar Serantau Kajian Manuskrip Melayu dan Kearifan Tempatan, 2013), 65.

<sup>19</sup> Terdapat pengajian al-Quran pada awal kesultanan Melayu Melaka dimana seorang seorang alim bernama Maulana Sadar Jahan telah menjadi guru kepada Sultan Mahmud dan puteranya; William Girdlestone Shellabear, *Sejarah Melayu* (Kuala Lumpur, Fajar Bakti, 1975), 240.

kerana ilmu ibadah adalah ilmu yang utama perlu dipelajari oleh masyarakat yang mula mengenal dan memahami ajaran Islam melalui ilmu fardhu ain seperti solat, bersuci, berwuduk dan sebagainya sebagai asas permulaan kepada agama Islam itu sendiri.<sup>20</sup>

### Lokasi Penulisan Karya Fiqh Melayu

Perkembangan penulisan fiqh Melayu alam Melayu boleh dibahagikan kepada beberapa tempat utama. Penulisan karya fiqh Melayu ini mula tersebar dan berkembang sehingga memberi impak besar dan kefahaman kepada masyarakat tentang ilmu sosiologi dan hukum Islam. Terdapat beberapa tempat yang dikenali dan ketahui oleh pengkaji tentang perkembangan penulisan fiqh Melayu khususnya. Antaranya di Aceh, Tanah Melayu dan Patani. Aceh memainkan peranan utama didalam perkembangan dan penyebaran ajaran Islam. Penulisan fiqh Melayu awal terhasilnya di Aceh sehingga perkembangan dan penghasilan karya fiqh Melayu sampai kepada kemuncaknya pada abad ke-19. Ini kerana, Aceh menjadi antara pusat penyebaran awal Islam di alam Melayu selepas kejatuhan kerajaan Melaka. Oleh itu faktor ini membantu perkembangan dan penulisan fiqh Melayu terawal di Aceh.

Perkembangan Islam di Aceh mempunyai kaitan dengan perkembangan penulisan fiqh Melayu. Pengamalan dan budaya hidup beragama di Aceh berkembang pesat. Agama Islam menjadi ideologi kerajaan dan menjadi cara hidup masyarakat Aceh. Terdapat pengaruh Islam yang dapat dilihat di dalam struktur pemerintahan, hukum, perundangan dan politik luar negara.<sup>21</sup> Ini juga dapat dikuatkan dengan kemunculan dan kehadiran ulama-ulama besar yang menetap di Aceh seterusnya membawa pengaruh yang cukup kuat terhadap perkembangan penulisan fiqh dan Islamisasi di Aceh. Aceh juga menjadi pusat kegiatan penulisan kesusastraan Melayu. Kitab-kitab berbahasa Arab, Aceh dan Bahasa Melayu dalam bidang sejarah, agama dan sastera ditulis. Ringkasnya, penulisan kitab jawi di Aceh benar-benar berada di puncaknya. Hal ini ada kaitan dengan peribadi Sultan ‘Alauddin Ri’ayat Shah Sayyid al-Mukammil (1588-1604) dan Sultan Iskandar Muda (1607-1636) yang sangat cintakan ilmu pengetahuan. Menurut Zakaria Ahmad<sup>22</sup> Aceh menjadi tempat tumpuan ulama dari lapisan dunia Islam untuk mendapat perlindungan sultan. Selain itu, bumi Aceh juga dihuni oleh ramai ulama *ahl al-Bait* seperti Hamzah Fansuri, Shamsudin Sumatrani, Nuruddin al-Raniri, Bukhari al-Jauhari dan Abdul Rauf Fansuri yang termasuk dalam kalangan ulama Aceh yang terkenal dan mendokong mazhab Imam Shafi’e beraliran Ahli Sunnah Wa al-Jamaah.<sup>23</sup> Pada abad ke 17 ulama adalah kelompok intelektual yang menulis dan mengarang karya Islam didalam berbagai disiplin ilmu termasuklah karya fiqh. Ini menjadikan Aceh sebagai pusat keagamaan bagi dunia Islam di alam Melayu. Di waktu

<sup>20</sup> Rahimin Affandi Abdul Rahim, *al-Quran dan Peranan Ulama Melayu dalam Pemodenan Rantau Alam Melayu* dalam Warisan al-Quran Peradaban Manusia, ed. Mohd Radzi Othman *et.al.*, (Pulau Pinang: Universiti Sains Malaysia, 2005, 20-28).

<sup>21</sup> Shah Rul Anuar Nordin, Impak Dakwah Kitab Taj al-Salatin kepada Masyarakat Melayu di Aceh Kertas Kerja Seminar Antarabangsa Dakwah & Etnik 2014: KUIS.

<sup>22</sup> Zakaria Ahmad, *Sekitar Kerajaan Aceh Darussalam, tahun 1520-1675* (Medan: Monora, 1972), 107.

<sup>23</sup> Shah Rul Anuar Nordin, Impak Dakwah Kitab Taj al-Salatin kepada Masyarakat Melayu di Aceh Kertas Kerja Seminar Antarabangsa Dakwah & Etnik 2014: KUIS.

zaman kegemilangan Islam Aceh terdapat banyak karya-karya ilmiah dalam berbagai bidang ilmu. Kesinambungan dan legasi penulisan ini diteruskan di daerah-derah lain sehingga karya fiqh berkembang secara produktif dan dinamik di rantau alam Melayu sehingga awal abad ke-20. Lakaran sejarah di Aceh telah memperlihatkan ilmuan dan cendiakawan memainkan peranan yang sangat aktif sejak zaman awal kesultanan Aceh. Oleh itu faktor ini membantu perkembangan dan penulisan fiqh Melayu di Aceh.

Mengikut catatan sejarah, penulisan karya agama Melayu Jawi sangat dinamik perkembangannya di bahagian wilayah timur Semenanjung Melayu yang merangkumi negeri-negeri Kelantan, Trengganu dan Patani. Ini kerana ketiga-tiga negeri ini mempunyai hubungan politik dan secara diplomatik sehingga disebut Negara Patani Besar. Oleh itu, Tanah melayu khususnya Trengganu juga antara tempat yang memainkan peranan di dalam perkembangan penulisan karya fiqh Melayu. Walaupun penulisan karya fiqh di Tanah Melayu tidak serancak seperti di Patani dan Aceh namun penulisan karya fiqh tetap wujud. Penulisan terawal karya fiqh Melayu di Tanah Melayu Trengganu ditulis oleh Syeikh Abdul Malik atau lebih dikenali sebagai Tok Pulai Manis 1650-1736M. Beliau menulis karya yang diberi nama *al-kifayah* yang diangkat sebagai penulisan fiqh terawal di Tanah Melayu.<sup>24</sup> Selain dari karya *al-kifayah* terdapat juga penulisan karya fiqh yang ditulis oleh ulama di Tanah Melayu seperti karya yang ditulis oleh Abdul Samad Ibn Muhammad Salih (1840-1891) yang dikenali dengan nama Tuan Tabal. Beliau telah menulis karya fiqh yang berjudul *Kifayat al-'Awwam* dan *Hidayat al-Ta 'lim al-'Awwami*.<sup>25</sup> Kedua-dua penulisan fiqh ini adalah antara penulisan fiqh yang masyhur di Tanah Melayu.

Penulisan karya bercorak fiqh di Tanah Melayu agak kurang berbanding dengan Aceh dan Patani. Ini bukanlah kerana ulama di Tanah Melayu tidak mampu menulis. Mereka menulis tetapi penulisan karya fiqh mereka tidak semasyhur seperti karya di Patani dan Aceh. Perkembangan penulisan fiqh di Tanah Melayu mula mendapat tempat bermulanya pada abad yang ke 20. Trengganu dan Kelantan antara negeri yang banyak melahirkan tokoh ulama yang terkenal dan produktif didalam disiplin ilmu tauhid, fiqh dan tasawwuf.<sup>26</sup> Walaupun terdapat ramai tokoh-tokoh ulama ternama di Tanah Melayu pada abad terawal perkembangan karya fiqh di alam Melayu tiada data yang diperolehi oleh penulis yang menunjukkan tokoh-tokoh ulama Tanah Melayu pernah menulis karya-karya fiqh. Antara tokoh tersebut adalah Haji Abdul Samad Bin Faqih atau lebih di kenali dengan Tok Pulai Condong (1792-1873).<sup>27</sup> Syed Muhammad bin Syed Zain al-Abidin atau lebih dikenali dengan gelaran Tok Ku Tuan Besar (1795-1878).<sup>28</sup> Haji Nik Zainal Abidin atau dikenali dengan panggilan Tok Konok (1830-1893). Carian yang dilakukan oleh penulis mendapat

<sup>24</sup> lihat Zurita Mohd Yusoff et. al., Tok Pulau Manis: Pioneer of Fiqh Writings in the Malay Peninsular, *Asian Social Science*, vol. 11, no. 1, (2015).

<sup>25</sup> Dipetik dari Biografi Tokoh Maal Hijrah Peringkat Kebangsaan 1987-2005M.

<sup>26</sup> Ismail Che Daud, *Tokoh-tokoh Ulama Semenanjung Melayu (1)*, (Kota Bharu: Pustaka Aman Press Sdn. Bhd. 2012), C. 4, 1.

<sup>27</sup> Ismail Che Daud, *Tokoh-tokoh Ulama Semenanjung Melayu (1)*, (Kota Bharu: Pustaka Aman Press Sdn. Bhd. 2012), C. 4, 1.

<sup>28</sup> Syed Hadzrullathfi Syed Omar et al., Works by Terengganu's Scholars of the 19th Century in Dignifying the Study of Islamic Knowledge Based on the al-Qur'an, *Asian Social Science*, vol. 10, no. 9 (2014), 128-136.

hanya terdapat tulisan-tulisan pendek berkaitan fiqh yang ditemui antaranya seperti risalah fiqh<sup>29</sup> dan karya bentuk nazam atau puisi berkaitan ilmu fiqh. Ini tidak bermaksud ulama-ulama di Tanah Melayu tidak mampu menulis dan mengarang karya-karya fiqh yang bermutu tinggi sedangkan mereka antara ilmuan yang mendapat pendidikan agama di Makkah dalam tempoh jangka masa yang lama. Bagi penulis antara sebab utama tokoh ilmuan di Tanah Melayu tidak memberikan perhatian kepada bidang penulisan kerana mereka lebih menumpukan kepada usaha dakwah dan membina pondok pengajian bagi masyarakat di awal perkembangan Islam di Tanah Melayu. Lebih-lebih lagi, sesi pengajaran ketika itu lebih memfokuskan kepada lisan dengan menggunakan pendekatan menerangkan dan menjelaskan ilmu pengetahuan tanpa menulis dan berpandukan kepada kitab pengajaran. Ini kerana kitab atau karya yang diperolehi pada ketika itu amat terhad yang dibawa oleh pedagang-pedagang dari Mekah yang menunaikan fardhu Haji. Ini termasuklah kitab yang disalin dari kitab asal yang dicetak.<sup>30</sup> Sebagai contoh dalam usaha gerak kerja dakwah dan syiar Islam Haji Abdul Samad atau Tok Pulai Condong pernah menjadi menjadi imam, mendirikan surau di sebuah kampung. Di surau tersebut Tok Pulai Condong lebih banyak memfokuskan kepada sesi pengajaran daripada mengarang atau menulis. Pelajar-pelajar yang datang belajar dari serata tempat sehingga usaha dakwah beliau membawa hasil dengan lahirnya beberapa muridnya yang masyhur dan alim antaranya Haji Wan Muhammad Ali bin Abdul Rahman, Haji Jamaluddin Bin Muhammad, Haji Yaakub bin Muhammad dan lain-lain lagi.<sup>31</sup>

Patani adalah antara lokasi utama dalam perkembangan penulisan karya fiqh Melayu. Terdapat banyak karya fiqh Melayu yang ditulis oleh ulama-ulama Patani. Ini kerana demografi formasi dan kemampuan ulama Patani menulis karya-karya yang bermutu tinggi telah diperakui oleh sarjana dan cendiakawan Melayu Islam. Menurut Mohd Zamberi<sup>32</sup> kegiatan keilmuan dan penulisan merupakan kegiatan yang penting di Patani sejak abad ke 17 lagi. Ini kerana terdapat dorongan dan galakan-galakan dari pembesar di patani yang menggalakkan kegiatan penulisan ini. Selain itu, kegiatan keilmuan dan penyebaran ilmu agama juga mendapat tempat di istana dengan mendapat bantuan dan dorongan dari raja-raja Patani yang beragama Islam.<sup>33</sup>

Penulisan awal karya ulama Patani boleh didapati dalam pelbagai disiplin ilmu seperti tauhid, fiqh dan tasawwuf. Bahkan terdapat sesetengah karya penulisan mereka masih dikaji dan diajar sehingga kini dan di pelusuk rantau alam Melayu. Perkembangan karya fiqh Melayu di Patani sangat produktif. Ini kerana, hampir kesemua penulisan karya fiqh Melayu ke-19 lahirnya di Patani. Perkembangan karya fiqh Melayu di Patani dilihat berkembang dengan dinamik kerana terdapat sesi pengajaran yang berkala diajar di pondok-pondok di Patani sehinggalah karya agama khususnya karya fiqh dijadikan karya salinan untuk sesi

<sup>29</sup> Penulisan ringkas dan padat terkandung didalam beberapa helaian muka surat sahaja.

<sup>30</sup> Nik Mohammad Nik Mohd saleh, *Warisan Kelantan IV Monograf Perbadanan Muzium Negeri Kelantan* (Kota Bharu: Perbadanan Muzium Negeri Kelantan, 1985), 98.

<sup>31</sup> Ismail Che Daud, *Tokoh-tokoh Ulama Semenanjung Melayu (1)*, (Kota Bharu: Pustaka Aman Press Sdn. Bhd. 2012), C. 4, 1.

<sup>32</sup> Mohd Zamberi A. Malek, *Patani dalam Tamadun Melayu*, (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1994), 92.

<sup>33</sup> Ismail hamid, *Peradaban Melayu dan Islam*, ( Petaling Jaya: Fajar Bakti Sdn. Bhd, 1985), 44.

pengajaran bagi pondok-pondok di Patani.<sup>34</sup> Karya-karya ini ditulis sama ada di Patani atau di luar Patani dan dikarang oleh anak jati tempatan Melayu Patani. Jumlah penulisan yang dihasilkan oleh ulama Patani sangat banyak dan yang masih dikaji sehingga ke hari ini. Berdasarkan huraian pengkaji berpendapat terdapat kesinambungan dan peranan tersendiri yang telah di mainkan di lokasi sesuatu tempat dalam memperkembangkan penulisan fiqh Melayu. Ini tidak dapat dinafikan Aceh, Tanah Melayu dan Patani mempunyai impak besar dalam perkembangan penulisan karya fiqh Melayu.

### **Penulisan Fiqh Melayu Abad Ke 17/1600**

Sebelum abad ke 17 pengajaran ilmu fiqh hanya dipelajari secara tidak formal melalui hafalan serta lisan dalam keadaan tulisannya yang tidak lengkap dan tidak dikumpulkan dalam bentuk karya penulisan.<sup>35</sup> Antara penulisan fiqh yang masyhur dan terkenal abad ke-17 berdasarkan pengaruh penulisan adalah karya *Sirat al-Mustaqim*<sup>36</sup> 1644M dan karya *Mir'ah al-Thullab fi Tashil al-Ma'rifat al-Ahkam wa al-Syari'ah li al-Mulk al-Wahhab*<sup>37</sup> 1672M. Karya *Sirat al-Mustaqim* adalah karya fiqh Melayu terawal ditulis didalam Bahasa Melayu Jawi. Ia ditulis oleh Syeikh Nuruddin al-Raniri seorang ulama yang berasal dari India dan menetap di Aceh. Manakala karya *Mir'ah al-Thullab* ditulis oleh Syeikh Abd al-Rauf al-Fansuri. Karya *Mir'ah al-Thullab* ini adalah karya fiqh berbentuk soal jawab yang khusus untuk para Qadhi.

### **Penulisan Fiqh Melayu Abad Ke 18/1700**

Walaupun terdapat banyak<sup>38</sup> karya-karya penulisan fiqh Melayu di rantau alam Melayu<sup>39</sup> abad ke-18 penulis hanya memfokuskan penulisan ini kepada 4 karya penulisan fiqh sahaja. Ia adalah antara penulisan fiqh yang masyhur dan terkenal di alam Melayu berdasarkan kepada pengaruh penulisan pada zaman tersebut. Antara karya penulisan fiqh abad yang ke

---

<sup>34</sup> Farid Mat Zain, et.al., Ulama Patani Ketokohan dan Keilmuan (Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia, 2016), 114.

<sup>35</sup> Ajidar Matsyah, *Jaringan Ulama-Ulama Melayu dalam Manusrip*, Seminar Serantau Kajian Manusrip Melayu dan Kearifan Tempatan 25 Februari 2013 di Banda Aceh, Indonesia,

<sup>36</sup> *Kitab Sirat al-Mustaqim*, MSS 144, Pusat Manusrip Negara, Perpustakaan Negara Malaysia, Kuala Lumpur, penulis memilih karya yang bernombor MSS 144 kerana ianya adalah antara karya manusrip lengkap. Menurut kajian yang dilakukan oleh Najahudin Lateh manusrip karya *Sirat al-Mustaqim* yang disimpan di Pusat Manusrip Melayu, Perpustakaan Negara Malaysia adalah sebanyak 79 naskhah, 29 naskhah manusrip lengkap sementara 50 naskah lagi tidak lengkap; lihat Tematik Emas Dalam Karya Fiqh Ulama Alam Melayu: Tinjauan Terhadap Kitab *Al-Sirat Al-Mustaqim, Furu' Al-Masail Dan Bahr Al-madhi*, Seminar Serantau Kajian Manusrip Melayu dan Kearifan Tempatan, 2013.

<sup>37</sup> *Kitab Mir'ah al-Thullab fi Tashil al-Ma'rifat al-Ahkam wal Syari'ah li al-Mulk al-Wahhab al-kifayah*, MSS 1532, Pusat Manusrip Negara, Perpustakaan Negara Malaysia, Kuala Lumpur

<sup>38</sup> Menurut Van Bruinessen beliau menyenaraikan sebanyak 900 judul kitab Melayu klasik yang dikumpulkannya. Ia merangkumi 20% bidang fiqh dan selebihnya adalah karya-karya Melayu Jawi yang merangkumi berbagai disiplin ilmu; lihat Van Bruinessen, M. (1990), "Kitab Kuning; Books in Arabic Script Used in the Pesantren Milieu; Comments on a New Collection in the KITLV Library", dalam *Bijdragen tot de Taal-, Land- en Volkenkunde* 146, no: 2/3. Leiden

<sup>39</sup> Nurdin AR, Penggalian dan Inventarisasi 1000 Judul Naskah Melayu Di Banda Aceh, *Jurnal CMES*, Volume X, Nombor 2, Edisi Julai, 2017, 170-179.

18 yang masyhur dan terkenal<sup>40</sup> di alam Melayu adalah karya *al-kifayah*<sup>41</sup> 1726M yang ditulis oleh Tok Pulau Manis. Karya penulisan fiqh ini dianggap penulisan fiqh terawal di Tanah Melayu,<sup>42</sup> karya *Safinah al-Hukkam fi Talkhis al-Khisham*<sup>43</sup> 1740M ditulis oleh Syeikh Jalaluddin al-Asyi. Beberapa karya penulisan fiqh Melayu terawal dapat dinyatakan didalam penulisan fiqh Melayu terawal anataranya karya *Safinah al-Hukkam fi Talkhis al-Khisham* yang ditulis oleh Syeikh Muhammad Arsyad al-Banjari yang mengambil dasar dari kitab *Sirat al-Mustaqim*. Karya ini ditulis atas perintah Sultan Alauddin Johan Syah dan bentuk penulisannya berupa tulisan tangan. Kandungan karya adalah perbincangan fiqh menurut Mazhab Syafi'i, membicarakan istilah-istilah, peringatan untuk golongan hakim yang zalim dan beberapa kaedah, semuanya tersebut pada mukadimah. Selain itu, karya *Hidayah al-Awam*<sup>44</sup> 1727M juga ditulis oleh Syeikh Faqih Jalaluddin al-Asyi. Karya ini bermaksud ‘pada menyatakan perintah Agama Islam’ dan merupakan satu karya penulisan fiqh yang ringkas dan umum. Karya *Hujjah al-Balighah ‘ala Jama’ah al-Mukhasamah*<sup>45</sup> juga ditulis oleh Syeikh Faqih Jalaluddin al-Asyi. Manakala karya *Sabil al-Muhtadin li al-Tafaqquh fi Umur al-Din*<sup>46</sup> 1780M ditulis oleh Syeikh Muhammad Arshad al-Banjari. Karya *Sabil al-Muhtadin* ini merupakan karya yang masyhur dan terkenal yang tersebar luas di seluruh alam Melayu. Ia terbahagi kepada dua jilid. Jilid pertama mempunyai 252 halaman dan jilid kedua 272 halaman. Perbincangan dalam kitab ini meliputi persoalan ibadah yang menyentuh taharah, solat, puasa, zakat, haji, akikah, korban, makanan yang halal dan haram serta sembelihan.<sup>47</sup>

## Penulisan Fiqh Melayu Abad Ke-19/1800

Penulisan fiqh abad ke-19 menunjukan perkembangan penulisannya yang ketara. Kebanyakkannya karya fiqh yang ditulis pada abad ini lahirnya di Patani. Antara karya-karya yang masyhur dan terkenal pada abad ini adalah karya-karya yang ditulis oleh Syeikh Daud

<sup>40</sup> Penulis mengambil satu contoh sumbangan dan pengaruh karya *Sabil al-Muhtadin* didalam perkembangan penulisan ilmu *fiqh* di alam Melayu, kerana selalu dijadikan rujukan dan pedoman oleh ulama Nusantara dalam penulisan *fiqh* berbahasa Melayu; Auni Hj. Abdullah, “Penulisan Ilmu Fiqh Di Nusantara,” *Majalah Dian Daiges*, bil. 103, Nov 1977, 109. Lihat juga Abd. Ghani Hj. Othman, *Tatacara Penyembelihan menurut Islam* (Alor Setar: Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Kedah, 2010), 60-85.

<sup>41</sup> *Kitab al-Kifayah*, MS 517, Pusat Manuskrip Negara, Perpustakaan Negara Malaysia, Kuala Lumpur ; *Kitab al-Kifayah*, MSS 1897, Pusat Manuskrip Negara, Perpustakaan Negara Malaysia, Kuala Lumpur.

<sup>42</sup> Lihat Zurita Mohd Yusoff et. al., Tok Pulau Manis: Pioneer of Fiqh Writings in the Malay Peninsular, *Asian Social Science*; Vol. 11, No. 1; 2015.

<sup>43</sup> Koleksi Manuskrip Dewan Bahasa dan Pustaka, DBP-K2175/12; [http://www.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2006&dt=1204&pub=utusan\\_malaysia&sec=Bicara\\_Agama&pg=ba\\_01.htm&arc=hive](http://www.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2006&dt=1204&pub=utusan_malaysia&sec=Bicara_Agama&pg=ba_01.htm&arc=hive)

<sup>44</sup> <http://www.nu.or.id/post/read/76330/fiqih-nusantara-abad-ke-18-m-karya-faqih-jalaluddin-aceh>

<sup>45</sup> Kitab *Hujjah al-Balighah ‘ala Jama’ah al-Mukhasamah* Karya *Hujjah al-Balighah ‘ala Jama’ah al-Mukhasamah*, MSS 3575, MSS 3584, MSS 400, MSS 4077, Pusat Manuskrip Negara, Perpustakaan Negara Malaysia, Kuala Lumpur.

<sup>46</sup> Kitab *Sabil al-Muhtadin lil fiqh Umur al-Din*, MS 554, Pusat Manuskrip Negara, Perpustakaan Negara Malaysia, Kuala Lumpur; Kitab *Sabil al-Muhtadin li al-Tafaqqah fi Amr al-Din*, MSS 1135, Pusat Manuskrip Negara, Perpustakaan Negara Malaysia, Kuala Lumpur.

<sup>47</sup> Lihat Wan Kamal Nadzif bin Wan Jamil, Mohd Zahirwan Halim bin Zainal Abidin & Ahmad Fakhrurrazi bin Mohammed Zabidi, Manhaj Syeikh Muhammad Arsyad Al-Banjari Dalam Penulisan Hadis: Tumpuan Kepada Kitab Jawi Sabil Al-Muhtadin, Seminar Serantau Ilmuan Hadith Dalam Peradaban di Alam Melayu 25 Okt 2010.

al-fatani. Antaranya karya *I'dah al-Albab*<sup>48</sup> 1809M yang membincangkan tentang fiqh munakahat menurut mazhab Syafi'ie, karya *Ghayah al-Taqrib*<sup>49</sup> 1811M yang membicarakan tentang pembahagian harta pusaka mengikut ilmu faraid, karya *Nahju al-Raghibin*<sup>50</sup> 1811M yang membicarakan tentang fiqh mua'malat, *Bulugh al-Maram*<sup>51</sup> 1812M yang membicarakan tentang takbiratul ihram iaitu tentang niat mendirikan solat mengikut pandangan mazhab syafi'ie, karya fiqh *Hidayah al-Muta'allim Wa 'Umdat al-Mu'allim*<sup>52</sup> 1828M antara kitab fiqh yang paling lengkap ditulis membicarakan aqidah, fiqh dan tasawwuf namun kandungan utamanya adalah perbincangan perkara fiqh, karya *Fath al Manan* 1834M karya yang membahaskan mengenai aqidah, fiqh dan tasawwuf, karya *Jawahir al-Saniyyah*<sup>53</sup> 1836M yang membicarakan tentang aqidah ahli Sunnah wal Jama'ah, ilmu fiqh dan ilmu tasawwuf, *Sullam al-Mubtadi*<sup>54</sup> 1836M tentang ilmu fiqh, aqidah dan tasawwuf dan karya *Furu' al-Masail Wa Usul al-Wasail*<sup>55</sup> 1841M yang membicarakan tentang furu' fiqh dalam mazhab Syafi'ie.

Jadual -1 Karya Penulisan Fiqh Melayu Masyhur yang Terpilih 1600-1800

BIL	NAMA KARYA	TAHUN	ABAD
1	<i>Sirat al-Mustaqim</i>	1644	17
2	<i>Mir'ah al-Thullab fi Tashil al-Ma'rifat al-Ahkam wal Syari'ah li al-Mulk al-Wahhab</i>	1672	17
3	<i>al-kifayah</i>	1726	18
4	<i>Safinah al-Hukkam fi Talkhis al-Khisham</i>	1740	18
5	<i>Hidayah al-Awam</i>	Tiada cetakkan tarikh	18
6	<i>Hujjah al-Balighah 'ala Jama'ah al-Mukhasamah</i>	Tiada cetakkan tarikh	18
7	<i>Sabil al-Muhtadin li al-Tafaqqah fi Amr al-Din</i>	1780	18
8	<i>I'dah al-Albab</i>	1809	19
9	<i>Ghayah al-Taqrib</i>	1811	19
10	<i>Nahju al-Raghibin</i>	1811	19

<sup>48</sup> Kitab *I'dah al-Albab*, MSS 2602, Pusat Manuskip Negara, Perpustakaan Negara Malaysia, Kuala Lumpur.

<sup>49</sup> Kitab *Ghayah al-Taqrib*, MS 2384, Pusat Manuskip Negara, Perpustakaan Negara Malaysia, Kuala Lumpur.

<sup>50</sup> Kitab *Nahju al-Raghibin*, MSS 332, Pusat Manuskip Negara, Perpustakaan Negara Malaysia, Kuala Lumpur.

<sup>51</sup> Kitab *Bulugh al-Maram*, MSS 733, Pusat Manuskip Negara, Perpustakaan Negara Malaysia, Kuala Lumpur.

<sup>52</sup> Kitab *Hidayah al-Muta'allim Wa 'Umdat al-Mu'allim* MS 4373, Pusat Manuskip Negara, Perpustakaan Negara Malaysia, Kuala Lumpur.

<sup>53</sup> Kitab *Jawahir al-Saniyyah*, MS 4373, Pusat Manuskip Negara, Perpustakaan Negara Malaysia, Kuala Lumpur.

<sup>54</sup> Kitab *Sullam al-Mubtadi*, MS 27, Pusat Manuskip Negara, Perpustakaan Negara Malaysia, Kuala Lumpur.

<sup>55</sup> Kitab *Furu' al-Masail Wa Usul al-Wasail*, MS 553, Pusat Manuskip Negara, Perpustakaan Negara Malaysia, Kuala Lumpur.

11	<i>Bulugh al-Maram</i>	1820 1812	19
12	<i>Ghayah al-Maram</i>	1814	19
13	<i>Hidayah al-Muta'allim Wa 'Umdat al-Mu'allim</i>	1828	19
14	<i>Fath al Manan</i>	1834	19
15	<i>Jawahir al-Saniyyah</i>	1836	19
16	<i>Sullam al-Mubtadi</i>	1836	19
17	<i>Furu' al-Masail Wa Usul al-Wasail</i>	1838- 1842	19
18	<i>Bughyah al-Thullab li Murid Ma'rifah al-Ahkam bi al-Thawab</i>	Tiada cetakkan tarikh	19
19	<i>Fath al-Mubin</i>	1856	19
20	<i>Minhah al-Qarib al-Mujib wa Mughni al-Raghibin fi al-Taqrif</i>	1882	19
21	<i>Mathla' al-Badrain wa Majma' al-Bahrain</i>	1886	19
22	<i>Kasyf al-Litham 'An As-Ilah al-Anam</i>	1890	19
23	<i>Bahjah al-Mubtadin wa Farhah al-Mujtadin</i>	1893	19
24	<i>Al-Fatawa al-Fathaniyyah</i>	Tiada cetakkan tarikh	19
25	<i>Wushah al-Afrah wa Ashbah al-Falah</i>	1894	19
26	<i>al-Thimar al-Ladhidhah 'ala al-Riyadh al-Badi'ah</i>	1894	19
27	<i>Nur al-Sham'ah fi Ahkam al-Jum'ah</i>	1896	19

### Analisa Penulisan Karya Fiqh Melayu 1600-1800

Perbincangan mengenai metode penulisan karya fiqh Melayu adalah perbincangan utama di dalam menganalisa penulisan karya fiqh Melayu. Penulis melihat kepada kepentingan metode penulisan pada hakikatnya menyerlahkan pemikiran ilmiah penulisan sesuatu karya sekaligus membuktikan kebolehan dan kewibawaan ulama Melayu silam menghasilkan karya yang bermutu tinggi dan seterusnya memperlihatkan tahap penguasaannya yang mendalam terhadap sesuatu ilmu.<sup>56</sup> Di samping itu ditambah dengan kaedah penulisan yang menarik boleh menjadi antara faktor ia dijadikan bahan kajian dan rujukan bahan pengajaran. Ini kerana, kebanyakan karya ilmiah bertulis yang dihasilkan oleh ulama Melayu-Islam dalam pelbagai bidang disiplin ilmu seperti ilmu fiqh mempunyai kaitan dengan hal

<sup>56</sup> Muhammad Adib Shamsudin et al., “Metod Penulisan Kitab Matla’ al-Badrain Wa Majma’ al-Bahrain,” *Jurnal Melayu* (5), (2010), 148.

kemasyarakatan.<sup>57</sup> Kerangka keseluruhan metode penulisan karya fiqh melayu 1600-1800 adalah berpaksikan kepada al-Quran dan al-Sunnah. Ini dapat di lihat di dalam penulisan awal penulisan fiqh 1700 karya *Sabil al Muhtadin* oleh Syeikh Syeikh Muhammad Arshad al-Banjari di dalam bab thoharoh.<sup>58</sup> Dalam menghuraikan masalah thoharoh beliau telah menggunakan metode pengistibantan hukum berdasarkan kepada pendalilan hukum dari al-Quran dan al-Sunnah.

Begitu juga didalam penulisan karya fiqh 1700-1800 metode utama didalam penulisan fiqh adalah berpandukan kepada al-Quran dan al-Sunnah. Walaupun karya-karya fiqh Melayu dianggap dalam dunia akademia sebagai karya intelektual Islam tetapi ia sebenarnya dihasilkan dari usaha sentesis antara karya-karya Islam timur tengah dengan kearifan tempatan Melayu Islam. Dalam disiplin penulisan dan pengkaryaan ilmu fiqh, terdapat ramai ulama yang menyumbang ke arah pembangunan budaya keilmuan dalam masyarakat Melayu Nusantara. Di antara mereka adalah Syeikh Muhammad Arshad al-Banjari, Syeikh Daud al-Fatani, Syeikh Abdul Samad al-Palembani dan sebagainya.<sup>59</sup> Karya-karya mereka memberi sumbangan yang besar dalam setiap aspek kehidupan dan masih menjadi rujukan di rantau alam Melayu sehingga membentuk hubungan intelektual yang mementingkan ilmu pengetahuan berdasarkan budaya ilmu yang sejati.<sup>60</sup> Kematangan penulisan karya fiqh Melayu merangkumi kecanggihan metodologi ulama Melayu. Setiap pengkaji kitab Jawi memang akan terkesan dengan mutu ilmiah yang dimilikinya. Ia menepati kriteria karya ilmiah seperti mana difahami dalam konteks moden.

Idealisme pengarang karya fiqh melangkaui zamannya dan maju kehadapan. Memandangkan ia masih relevan dengan perbincangan di zaman sekarang meskipun jarak masa yang panjang kerana terdapat persamaan budaya iaitu budaya Melayu Islam. Ini jelas dibuktikan kerana terdapat karya fiqh Melayu masih dijadikan kajian akademik dan diajar dikebanyakkan institusi pengajian seperti di masjid, pondok dan madrasah. Pemilihan teks timur tengah sebagai sumber asas karya fiqh Melayu tidak dilakukan secara terburu-buru dan sewenang-wenangnya. Tetapi dipilih dengan akal ulama Melayu daripada bahan-bahan yang muktabar dan sesuai dengan sosiologi dan mentaliti budaya Melayu. Contohnya karya-karya timur tengah yang berbau falsafah batiniah dan sebarang kitab yang kontroversi ditolak dan tidak diterima.<sup>61</sup> Walaupun terdapat karya-karya sufi falsafah dikalangan dunia intelektual Islam timur tengah pada waktu itu ia tidak diterima dan dirujuk oleh ulama Melayu. Ini kerana mereka memahami kepentingan diterapkan mazhab ahli sunnah wal jamaah untuk wadah ilmu dan perpaduan ummah.

<sup>57</sup> Rahimin Affandi Abdul Rahim et al., "Warisan Karya Ulama Melayu-Islam Silam dan Kaitannya dengan Pengajaran Moral di Zaman Moden," *Jurnal Usuluddin*, bil. 27, (2008), 170.

<sup>58</sup> Kitab *Sabil al-Muhtadin lil fiqh Umur al-Din*, MSS 555, Pusat Manuskrip Negara, Perpustakaan Negara Malaysia, Kuala Lumpur

<sup>59</sup> Mohd Anuar Ramli *et.al.*, Sumbangan Ulama Melayu Klasik Dalam Pembinaan Kearifan Tempatan di Alam Melayu, *Jurnal Pengajaran Melayu*, jilid 27 (2016), 178-185.

<sup>60</sup> Wan Mohd Nor Wan Daud, *Penjelasan Budaya Ilmu* (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1997), 108-109.

<sup>61</sup> Faudzinaim Hj Badaruddin, Peranan Kitab Jawi Tasawuf Sebagai Medium Transmisi Ilmu Islam Kepada Masyarakat Melayu Nusantara, Dalam *International Journal Of Islamic Thought*, v.1, 2012, 19-25

Antara ciri intelektual dalam penulisan karya fiqh Melayu, elemen integriti diambil kira dalam memastikan proses peniruan (*plagiarism*) tidak dilakukan dengan memetik kata-kata orang lain tanpa mengakuinya. Hal ini kedapatan dalam karya fiqh, apabila pengarangnya secara terangan menyatakan sumber rujukan<sup>62</sup> pengambilan ideanya. Bahkan ia menyatakan ia adalah hasil terjemahan kitab muktabar yang khusus. Ia bukannya terjemahan secara pasif tetapi ditokok tambah dengan pandangan pengarang berdasarkan realiti tempatan alam Melayu. Ia juga mempunyai mukadimah, isi dan kesimpulan. Ia disusun dalam bentuk yang logik dan terbuka untuk diwacanakan. Buktinya karya fiqh mempunyai ruangan matan teks asal dan ruangan catatan/komentar pembaca.<sup>63</sup> Kandungan perbincangan mengenai ilmu fiqh dilihat menarik seperti pengelasan judul *kitab*, *bab*, dan *fasl* merangkumi dari bab fiqh yang pertama hingga bab yang terakhir.<sup>64</sup> Ia melatih pembaca menjadi pembaca dan pemikir yang proaktif; membaca, memahami dan mencatat sekaligus. Lagipun, ia terbuka untuk dilakukan semakan dan komentar oleh pengarang yang lain. Kesemua usaha wacana ilmiah ini akan memastikan mutu kajianya semakin baik.

Kandungan perbincangan mengenai ibadah adalah perbincangan ditulis pada penulisan awal karya fiqh. Walaupun kandungan perbahasan ibadah di dalam penulisan awal abad ke-17 di lihat ringkas namun ia telah dikembangkan oleh ulama terkemudian seperti di dalam penulisan *Sabil al-Muhtadin* oleh Shaykh Muhammad Arshad al-Banjari, karya *Bughyah al-Tullab* oleh Shaykh Dawud bin ‘Abd Allah al-Fatani, karya *Fath al-Mubin* oleh Shaykh Muhammad Salih bin Murid al-Rawi dan karya *al-Bahr al-Wafi Wa al-Nahr al-Safi* oleh Shaykh Muhammad bin Isma‘il Dawud al-Fatani. Penulisan karya-karya ini diolah dalam bentuk huraiyan yang lebih luas dan mendalam sebagai kesinambungan penulisan karya fiqh Melayu yang awal. Penulisan fiqh Ibadah ini melibatkan ibadah asas untuk memberikan kefahaman kepada masyarakat Melayu yang ingin mempelajari ajaran Islam.<sup>65</sup> Walaupun begitu, terdapat penulisan fiqh yang bersifat umum dan ringkas seperti karya *hidayah al-Awwam*.<sup>66</sup> Dalam *muqaddimah* penulisan Syeikh Jalaluddin al-Asyi menjelaskan karya *hidayah al-Awwam* ini ditulis pada 1727M dan dihuraikan secara umum dan bahasa dan kalimah penulisannya agak sukar difahami.<sup>67</sup> Kebanyakkan karya fiqh Melayu terawal mempunyai kandungan khusus kepada karya terjemahan daripada kitab fiqh karangan ulama Mazhab Shafii (*al-Shafi‘iyyah*) dari bahasa Arab ke dalam bahasa Melayu, menyalin semula, tidak konsisten dan lebih kepada saduran daripada kita-kitab klasik Arab. Boleh dikatakan tidak terdapat kecenderungan ijтиhad didalam karya fiqh Melayu bermula dari abad 1600-1700. Tiada pola dan corak penulisan khusus seperti penulisan fatwa dan usul didalam

<sup>62</sup> Lihat karya penulisan *Sabil al-Muhtadin lil fiqh Umur al-Din*, MS 555 pengarangnya menjelaskan pengambilan sumber rujukan dan idea penulisan.

<sup>63</sup> Ciri-ciri penulisan fiqh ini boleh dilihat didalam karya-karya penulisan fiqh abad 17, 18 dan 19.

<sup>64</sup> Kitab *Sabil al-Muhtadin lil fiqh Umur al-Din*, MS 554, Pusat Manuskrip Negara, Perpustakaan Negara Malaysia, Kuala Lumpur; lihat fragmen kitab fikah, MS 687, Pusat Manuskrip Negara, Perpustakaan Negara Malaysia, Kuala Lumpur.

<sup>65</sup> Rahimin Affandi Abdul Rahim et al., “Warisan Karya Ulama Melayu-Islam Silam dan Kaitannya dengan Pengajaran Moral di Zaman Moden,” *Jurnal Usuluddin*, bil. 27, (2008), 170.

<sup>66</sup> Satu-satu karya *hidayah al-Awwam* yang dapat dirujuk hanya yang berada dalam kumpulan kitab Syeikh Ismail bin Abdul Mutallib *Jawami al-Mushannafat* 1892M.

<sup>67</sup> Wan Mohd Shagir, *Ensiklopedia Naskhah Klasik Nusantara*, Kuala Lumpur: Khazanah Fathaniyyah, 2015, 282-284.

karya-karya awal penulisan fiqh. Namun abad ke 19 menyaksikan terdapat sedikit kecenderungan ijтиhad didalam penulisan karya fiqh. Terdapat usaha-usaha awal penulisan didalam karya fiqh bercorak fatwa bermula pada abad ke 19. Terdapat sedikit pertumbuhan baru didalam karya fiqh Melayu berkaitan fatwa dan usul. Penulisan fatwa dan usul ini di rintis oleh Syeikh Daud Patani dalam *fatwa fataniyyah*.<sup>68</sup> Manakala karya *Fath al-Manān*<sup>69</sup> adalah karya pertama ditulis ilmu *uṣūl al-fiqh* dalam bahasa Melayu walaupun penulisannya secara ringkas. Perkembangan penulisan karya-karya ini akhirnya membentuk beberapa penulisan bercorak pemikiran intelektual dan hukum yang mana perbincangannya merujuk kepada ilmu usul.<sup>70</sup>

Perbincangan yang di utarakan bukan bermaksud ulama Melayu tidak mampu menulis karya-karya bermutu seperti karya *usul al-fiqh* pada peringkat awal penulisan fiqh. Penulisan dan pemahaman ilmu fiqh yang ditulis dan disebarluaskan oleh ulama Melayu terdahulu mustahil dapat disebarluaskan tanpa mereka memahami subjek *usul al-fiqh* secara mendalam. Pemikiran usul mereka banyak dilontarkan didalam tulisan fiqh yang diterjemahkan ke dalam karya-karya fiqh Melayu. Justeru itu, pemikiran dan pengetahuan *usul al-fiqh* memang telah diketahui oleh ulama dan sarjana Melayu ketika itu walaupun tidak dibukukan.<sup>71</sup> Perkembangan penulisan karya ini memberi kesan kepada perkembangan intelektual alam Melayu. Impaknya ilmu *usul al-fiqh* mula dipelajari dengan cara yang lebih terbuka dan mula ditulis, dibukukan oleh sarjana Melayu dan disusun mengikut peredaran zaman.

Abad 19 adalah abad yang sangat produktif didalam perkembangan karya fiqh Melayu. Penulisan dan penghasilan karya fiqh abad ke 19 telah membuktikan kemampuan ulama Patani untuk menulis karya fiqh yang bermutu, produktif dan konsisten. Hal keadaan ini berbeza dengan penulisan awal karya fiqh di Tanah Melayu dan Aceh. Walaupun terdapat penulisan fiqh dari Tanah Melayu seperti karya tulisan fiqh Tok Pulau Manis karya *al-Kifayah* 1726M<sup>72</sup> dan juga penulisan fiqh dari Aceh seperti *al-Sirat al-Mustaqim* dan *Sabil al-Muhtadin* tetapi tidak mampu untuk menandingi produktiviti penulisan karya-karya fiqh di Patani. Penulisan karya-karya fiqh Melayu abad ke-19 di Patani berada dalam suasana perkembangan ilmu yang pesat dan dinamik. Bahkan, antara faktor yang mendorong ulama Patani mampu menulis secara konsisten kerana mereka dilahirkan dalam keluarga yang mementingkan ilmu pengetahuan dan keluarga yang terdiri daripada tokoh-tokoh agama yang dihormati dan disegani oleh masyarakat. Antaranya seperti Syeikh Daud al-Patani yang diketahui berasal dari keluarga ulama. Menurut salasilah keturunannya, beliau berasal daripada keturunan para alim-ulama. Bapa beliau adalah Wan Abdullah dan datuknya Wan

<sup>68</sup> Kitab *fatwa fataniyyah*, Matba'ah Patani Press, 1377 H.

<sup>69</sup> Kitab *fath al-Manan*, MSS 21, Pusat Manuscrip Negara, Perpustakaan Negara Malaysia, Kuala Lumpur.

<sup>70</sup> Antaranya dalam karya Syeikh Muhammad Tahir Jalaluddin dalam kitab *Ta'yid Tadhkirah Muttabi' al-Sunnah fi al-Rad 'Ala al-Qa'il bi Sunniyah Rak'atayn Qabl al-Jum'ah*; Surat Persendirian Syeikh Muhammad Tahir Jalaluddin, *Ta'yid Tadhkirah Muttabi' al-Sunnah fi al-Rad 'Ala al-Qa'il bi Sunniyah Rak'atayn Qabl al-Jum'ah*, No Ruj: 2006/0036134 (1953), Arkib Negara Malaysia, Kuala Lumpur.

<sup>71</sup> lihat Rahimin Affandi Pengamalan Ilmu Usul al-Fiqh didalam Sastera Undang-Undang Melayu: Satu Analisis, Seminar Kesusteraan dan Undang-Undang (26-27 Jul 2001 : Kuala Lumpur).

<sup>72</sup> lihat Ismail. C.D. *Tokoh-tokoh Ulama' Semenanjung Melayu (I)* (Kelantan: Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan, 2012).

Idris. Kedua-duanya adalah ulama besar Patani yang masyhur pada zamannya.<sup>73</sup> Institusi pondok juga memainkan peranan utama didalam perkembangan penulisan fiqh di Patani. Terdapat banyak pusat pengajian dan pondok di Patani. Keberadaan pusat pengajian dan pondok ini membawa kepada keperluan penulisan karya-karya tulisan untuk dipelajari di pondok dan pusat pengajian di sekitar Patani. Ramai dalam pemuda dan remaja menyertai pondok di Patani untuk mempelajari ilmu khususnya ilmu fiqh. Ini kerana dengan pemahaman dan penghayatan ilmu fiqh mereka dapat melaksanakan ibadah dengan lebih sempurna.

Demikian juga, budaya memainkan peranan intelektual dalam masyarakat. Ini kerana wujudnya budaya intelektual di sesuatu tempat dan kawasan tersebut. Apabila pembudayaan ilmu berkembang didalam masyarakat secara tidak langsung budaya menulis juga akan turut berkembang. Ini dapat dilihat daripada kesan menuntut ilmu dan pengaruh tempat memainkan peranan penting dalam menterjemahkan peranan ulama Patani yang mampu mengarang karya-karya agama jawi khususnya karya fiqh. Suasana kemasyarakatan ini sedikit sebanyak mempengaruhi minda, paradigma keilmuan serta pemikiran intelektual ulama Patani dalam usaha menghasilkan karya-karya fiqh yang bermutu tinggi serta membina suatu falsafah tindakan dalam masyarakat. Kebanyakkannya ilmuan di Patani mendapat pendidikan tinggi agama di Mekah dan menetap disana dalam satu tempoh masa yang panjang. Mereka mendalami dan menekuni pengajian ilmu yang merangkumi ilmu tauhid, fiqh dan tasawwuf. Apabila pulang ke Patani mereka membawa amanah ilmu dengan mengajar dan menulis ilmu tersebut agar dapat disebarluaskan seterusnya ianya memberi manfaat kepada masyarakat setempat. Ini menjadikan mereka ilmuan dan ulama yang berilmu dan faqih didalam menguasai sesuatu ilmu. Apabila ilmu didalam sesuatu bidang itu dapat dikuasai maka agak mudah untuk mereka mengarang dan menulis ilmu tersebut.

Pada asasnya tidak semua penulisan karya-karya fiqh abad ke-19 merupakan karya fiqh yang lengkap secara keseluruhannya yang merangkumi kitab, bab, fasal dan tajuk tetapi ditulis dan dikarang dengan bahagian dan bab tajuk yang tertentu sahaja. Ini kerana, kandungan dan perbincangan ilmu yang diberikan oleh ulama terdahulu tidak diberikan secara sekaligus. Mereka membahagikan bab dan fasal untuk memudahkan masyarakat yang ingin mempelajari dan memahami ajaran Islam pada peringkat awal penyebaran Islam. Apabila terdapat kekurangan perbincangan dan perbahasan didalam karya ibadah maka penambah baikkan akan dilakukan oleh ulama selepasnya apabila melihat kekurangan atau tiada perbahasan baru didalam masalah ibadah. Oleh itu, terdapat pertumbuhan baru pada karya fiqh Melayu pada suatu abad kepada abad yang lain mengenai perbincangan ilmu fiqh.

Persoalan latar belakang masyarakat alam Melayu juga diambil kira oleh ulama Melayu walaupun karya fiqh Islam Timur Tengah digunakan tetapi ia disesuaikan dengan realiti masyarakat Melayu contohnya didalam hal perbincangan binatang yang halal dan

---

<sup>73</sup> Anwar Zainal Abidin, *Formasi Ulama Patani dalam Ulama Patani Ketokohan dan Keilmuan* (ed.) Farid Mat Zin et.al., (Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia, 2016), 19.

haram di makan menurut orang-orang tempatan Melayu.<sup>74</sup> Ia dikaitkan dengan makanan yang boleh dimakan dan makanan yang tidak boleh di makan. Begitu juga dalam teks Syeikh Muhammad Arsyad beliau memasukkan perkataan Kalimantan atau Banjar seperti ‘*yang bini bini*’ ‘*wanyi*’ dengan mengambil kira dialek dan elemen tempatan dalam memilih bahasa tempatan sebagai medium pengembangan dakwah dan penyebaran Islam.<sup>75</sup> Beberapa pendekatan ilmu yang diterapkan didalam penulisan karya fiqh Melayu. Antaranya ia sesuai dengan sifat orang Melayu yang baru memeluk Islam. Pendekatan yang di ambil oleh pengarang karya fiqh mengambil kira budaya dan sosiologi masyarakat Melayu. Ia disesuaikan dengan menerapkan kefahaman asas ibadah pada awal penulisan fiqh.<sup>76</sup> Penggunaan hujah *naqli* sebagai asas dalil *qat'i* dalam perbahasan hukum.<sup>77</sup> Apabila perbincangan mengenai kefarduan sesuatu ibadah diberikan dalil hadis qudsi. Ini dapat dilihat dalam karya fiqh yang membincangkan asas kefarduan ibadah seperti bab solat dan juga di dalam bab ibadah yang lain. Penjelasan dan penghuraian untuk menerangkan maksud ibadah-ibadah diuraikan dengan lebih terperinci. Penggunaan bahasa yang mudah juga dalam penjelasan isu fiqh dengan memberikan takrif literal dan teknikal pada setiap istilah. Ia sebagai bahasa tulisan untuk dipermudahkan sesuai dengan khalayak pembaca.

Karya fiqh melayu merupakan teks ilmu yang amat penting sebagai wadah pendidikan masyarakat di rantau ini mengenai Islam.<sup>78</sup> Melalui penulisan fiqh, pemikiran dan paradigma ulama-ulama<sup>79</sup> Timur Tengah berkaitan ilmu fiqh dipindahkan dan disebarluaskan kepada umat Islam di rantau alam Melayu. Peranan karya-karya fiqh ini telah menjadi pemangkin penting kepada terjadinya perubahan sosial di dalam hal ehwal kehidupan masyarakat Melayu. Justeru, peranan penting karya-karya fiqh Melayu terawal dapat dilihat secara umumnya membuktikan berlakunya proses pengajaran dan pendidikan dari sudut pemikiran hukum, penterjemahan dan penyelesaian hukum kepada masyarakat.

## Kesimpulan

Karya-karya fiqh Melayu 1600-1800 merupakan manifestasi kepada daya kemampuan dan intelektual ulama Melayu menulis dan menghasilkan ilmu yang bermutu tinggi. Tidak di nafikan, karya fiqh menyumbang kepada pembentukan nilai intelektual dalam kalangan sarjana Melayu yang berusaha untuk memberikan sumbangan yang terbaik kepada masyarakat. Kesimpulannya, dapat dirumuskan karya-karya fiqh Melayu dianggap sebagai

<sup>74</sup> Kajian ini dihurai oleh Zurita Binti Yusoff, Kitab *al-kifayah* karangan Shaykh Abd al-Malik bin Abdullah: eks dan Analisis, Tesis Kedoktoran, Jabatan Fiqh dan Usul, APIUM, 2014, Kuala Lumpur.

<sup>75</sup> Omar Awang, The Trengganu Inscription as the Earliest Known Evidence of the Finalisation of the Jawi Alphabet, *Federation Museums Journal*, 25, 1980, 55.

<sup>76</sup> Penerapan kefahaman asas didalam ibadah pada awal penulisan fiqh boleh dilihat didalam karya *Sirat al-Mustaqim* dan *Sabil al-Muhtadin li al-Tafaqqah fi Amr al-Din*.

<sup>77</sup> lihat Karya *Hujjah al-Balighah 'ala Jama'ah al-Mukhasamah*, MSS 3575, Pusat Manuskip Negara, Perpustakaan Negara Malaysia, Kuala Lumpur, 4.

<sup>78</sup> Ahmad Fauzi Abdul Hamid, *Islamic Education in Malaysia*. Singapore: S.Rajaratnam School of International Studies, 2010, 14.

<sup>79</sup> Amir Fazlim Yusoff, “Pengaruh Ulama Timur Tengah Terhadap Penulisan Shaykh Muhammad Arsyad bin Abdullah al-Banjari dalam Kitab *Sabil al-Muhtadin li al-Tafaqqah fi Amr al-Din*,” (Prosiding Nadwah Ulama Nusantara II: Sumbangan Ulama dan Tokoh Agama Borneo, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, 2003), 39.

intelektual Melayu kerana ia terhasil daripada penulisan yang berimpak tinggi dan memberi manfaat kepada masyarakat Melayu Islam.

## BIBLIOGRAFI

- Abdul Hadi W.M, (1990) “Islam di Indonesia dan Transformasi Budaya”, dalam Komaruddin Hidayat
- Abdul Rahman Hj Abdullah, Pemikiran Umat Islam di Nusantara: Sejarah dan Perkembangannya Hingga Abad Ke-19 (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ahmad Misbah Muhamad Hilmi, *et.al.*, (2016) Mohd. Faisal bin Mohamed NurSyahidah Abdul, AbdulAziz Awang Kechik, Manuskrip Hujjatul Balighah Karya Syeikh Jalaluddin Alasy: Kajian Tahqiq Teks Bab Pendakwaan, e-Jurnal Penyelidikan dan Inovasi Vol. III, No. I.
- Ajidar Matsyah, (2013), *Jaringan Ulama-Ulama Melayu dalam Manuskrip*, Seminar Serantau Kajian Manuskrip Melayu dan Kearifan Tempatan, Aceh, Indonesia.
- 'Ajjaj al-Khatib, (1997), *Usul al-Hadith Ulumuhu wa Mustalahuhu*, Jeddah: Dar al-Manarat.
- Anwar Zainal Abidin, (2016), Formasi Ulama Patani dalam Ulama Patani Ketokohan dan Keilmuan ed. Farid Mat Zin, *et.al.*, Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Berhanundin *et.al.*, (2017), *Sejarah Tulisan Jawi dalam Pendidikan dan Dakwah di Terengganu*, Kuala Trengganu: Penerbit Unisza.
- Faizuri bin Abdul Latif & Faisal @ Ahmad Faisal Bin Abdul Hamid, (2009), Tradisi Penulisan Hadith Karya Ulama Melayu: Kajian Terhadap Kitab ‘Aqidah al-Najin, *Jurnal Usuluddin*, Bil 30.
- Fragmen *kitab fekah*, MS 687, Pusat Manuskrip Negara, Perpustakaan Negara Malaysia, Kuala Lumpur.
- Portal Berita Utusan Malaysia,  
[http://www.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2006&dt=1204&pub=utusan\\_malaysia&sec=Bicara\\_Agama&pg=ba\\_01.htm&arc=hive](http://www.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2006&dt=1204&pub=utusan_malaysia&sec=Bicara_Agama&pg=ba_01.htm&arc=hive)
- <http://www.nu.or.id/post/read/76330/fiqih-nusantara-abad-ke-18-m-karya-faqih-jalaluddin-aceh>
- Idris Awang & Tengku Sarina Aini Tengku Kasim, (2007), Pembudayaan Mazhab Syafi'i dalam Masyarakat Islam di Malaysia, *Jurnal Fiqh*: No. 4.
- Idris Zakaria, (2012), Islam dan Falsafahnya dalam Kebudayaan Melayu, *Jurnal Hadhari Special*.
- Ismail. C. D. *Tokoh-tokoh Ulama' Semenanjung Melayu (1)*, (2012), Kelantan: Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan.
- Jamaludin, Saadan Man, Mohd Anuar Ramli, Mohammad Aizat (2012) *Sumbangan Ulama Melayu Klasik dalam Menjana Budaya Ilmu di Alam Melayu*, edit Norarfian Zainal *et.al.*, dalam Membongkar Rahsia Pendidikan Islam, Brunei: Penerbit Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan.
- Karya *al-kifayah*, MS 517, Pusat Manuskrip Negara, Perpustakaan Negara Malaysia, Kuala Lumpur.
- Karya *al-kifayah*, MSS 1897, Pusat Manuskrip Negara, Perpustakaan Negara Malaysia, Kuala Lumpur.
- Karya *Hujjah al-Balighah 'ala Jama'ah al-Mukhasamah*, MSS 3575, MSS 3584, MSS 400, MSS 4077, Pusat Manuskrip Negara, Perpustakaan Negara Malaysia, Kuala Lumpur.
- Karya *Sabil al-Muhtadin li al-Tafaqqah fi Amr al-Din*, MSS 1135, Pusat Manuskrip Negara,

- Karya *Sabil al-Muhtadin li al-Tafaqqah fi Amr al-Din*, MSS 2252, Pusat Manuskrip Negara, Perpustakaan Negara Malaysia, Kuala Lumpur
- Karya *Sirat al-Mustaqim* MSS 3786, Pusat manuskrip Negara, Perpustakaan Negara Malaysia Kuala Lumpur.
- Kitab *al-Kifayah*, MS 517, Pusat Manuskrip Negara, Perpustakaan Negara Malaysia, Kuala Lumpur.
- Kitab *al-Kifayah*, MSS 1897, Pusat Manuskrip Negara, Perpustakaan Negara Malaysia, Kuala Lumpur.
- Kitab *fath al-Manan*, MSS 21, Pusat Manuskrip Negara, Perpustakaan Negara Malaysia, Kuala Lumpur.
- Kitab *fatwa fataniyyah*, Matba'ah Patani Press, 1377 H.
- Kitab *Furu' al-Masail Wa Usul al-Wasail*, MS 553, Pusat Manuskrip Negara, Perpustakaan Negara Malaysia, Kuala Lumpur.
- Kitab *Ghayah al-Taqrif*, MS 2384, Pusat Manuskrip Negara, Perpustakaan Negara Malaysia, Kuala Lumpur.
- Kitab *Hidayah al-Muta'allim Wa 'Umdat al-Mu'allim* MS 4373, Pusat Manuskrip Negara, Perpustakaan Negara Malaysia, Kuala Lumpur.
- Kitab *I'dah al-Albab*, MSS 2602, Pusat Manuskrip Negara, Perpustakaan Negara Malaysia, Kuala Lumpur.
- Kitab *Mir'ah al-Thullab fi Tashil al-Ma'rifat al-Ahkam wal Syari'ah li al-Mulk al-Wahhab al-kifayah*, MSS 1532, Pusat Manuskrip Negara, Perpustakaan Negara Malaysia, Kuala Lumpur
- Kitab *Sabil al-Muhtadin lil fiqh Umur al-Din*, MS 554, Pusat Manuskrip Negara, Perpustakaan Negara Malaysia, Kuala Lumpur;
- Kitab *Sirat al-Mustaqim*, MSS 144, Pusat Manuskrip Negara, Perpustakaan Negara Malaysia, Kuala Lumpur.
- Kitab *Sullam al-Mubtadi*, MS 27, Pusat Manuskrip Negara, Perpustakaan Negara Malaysia, Kuala Lumpur.
- Koleksi Manuskrip Dewan Bahasa dan Pustaka, DBP-K2175/12 Kuala Lumpur;
- Kitab *Sabil al-Muhtadin li al-Tafaqqah fi Amr al-Din*, MSS 1135, Pusat Manuskrip Negara, Perpustakaan Negara Malaysia, Kuala Lumpur.
- Lexy J. Moleong, *Metodologi Penelitian Kualitatif* (1993), Karya Cv: Bandung.
- Basrowi Sukidin, (2002), *Metode Penelitian Kualitatif Persepktif Mikro*, Surabaya: Insan Cendakia.
- Mahayudin Yahaya, (1998), *Islam di Alam Melayu*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Makmur Harun, Firman & Muhammad Yafri Yahya, (2016), *Abms3203 Jawi dan Kajian Manuskrip Melayu*, Buku Panduan Kursus Open University Malaysia (OUM), Edisi Pertama.
- Mohd Anuar Ramli et.al., (2016), Sumbangan Ulama Melayu Klasik Dalam Pembinaan Kearifan Tempatan di Alam Melayu, *Jurnal Pengajian Melayu*, Jilid 27.
- Mohd Puaad Bin Abdul Malik & Rahimin Affandi Bin Abd. Rahim, (2018), *Kertas Kerja Kitab Jawi dan Pengilmuan Masyarakat Melayu*, Seminar Antarabangsa Lingustik dan Bahasa Melayu, Hotel Perdana Kelantan.
- Mubarakfuri S.R, (1987), *al-Rahiq al-Makhtum: Bahth fi al-Sirah al-Nabawiyyah*, Tanta: Dar al-Basyir.
- Muhammad Abu Bakar (1993), "Pendirian dan Pembangunan: Islamisasi dan Isu-Isu Semasa dengan Rujukan kepada Tugas Generasi Ulul Albab Dalam Abad Ke-21", dalam *Islam Dan Masyarakat Maju*, Kuala Lumpur.

- Muhammad Bukhari Lubis *et.al.*, (2006), *Tulisan Jawi Sehimpun Kajian* (Shah Alam: Pusat Penerbitan Universiti (UPENA).
- Muhammad Kamal Hasan (2001), Intellectual Discourse at The End of the Second Millennium Concerns of A Muslim-Malay CEO, Kuala Lumpur, UIAM.
- Najahudin Lateh *et al.*, (2013) “*Tematik Emas dalam Karya Fiqh Ulama Alam Melayu: Tinjauan Terhadap Kitab al-Sirat al-Mustaqim, Furu’ al-Masail dan Bahr al-Madhi*” Seminar Serantau Kajian Manuscrip Melayu dan Kearifan Tempatan.
- Nurdin AR, (2017), Penggalian dan Inventarisasi 1000 Judul Naskah Melayu Di Banda Aceh, *Jurnal CMES*, Volume X, Nomor 2, Edisi Julai.
- Oman Fathurrahman (2010), *Filologi dan Islam Indonesia*, Jakarta: Puslitbang Lektor Keagamaan, Kementerian Agama RI.
- Omar Awang, (1980), The TrengganuInscription as the Earliest Known Evidence of the Finalisation of the Jawi Alphabet, *Federation Museums Journal*.
- Portal Rasmi Perpustakaan Negara, <http://www.pnm.gov.my/index.php/pages/view/88>, tarikh capaian 5 Disember 2016.
- Rahimin Affandi Abdul Rahim *et al.*, (2008), Warisan Karya Ulama Melayu-Islam Silam dan Kaitannya dengan Pengajian Moral di Zaman Moden,” *Jurnal Usuluddin*, bil. 27.
- Rahimin Affandi Abdul Rahim (2005), *al-Quran dan Peranan Ulama Melayu dalam Pemodenan Rantau Alam Melayu* dalam Warisan al-Quran Peradaban Manusia., editor Mohd Radzi Othman et.al, Pulau Pinang: Universiti Sains Malaysia.
- Rahimin Affandi (2001), *Pengamalan Ilmu Usul Al-Fiqh Di Dalam Sastera Undang-Undang Melayu: Satu Analisis*, Seminar Kesusastraan dan Undang-Undang, Kuala Lumpur.
- Rahmah Ahmad H. Osman Mohd Shahrizal Nasir (2011), Sastera Islam: Satu Perbandingan antara Pandangan Mohd Affandi Hassan dengan Abu al-Hasan Ali al-Nadwi, *Jurnal e-Utama*, Vol. 3
- Salsabil Bin Haji Mohd Zain, Mustaffa Bin Abdullah, Muhammad Alihanafiah Bin Norasid (2014), Penulisan Manuscrip Jawi di alam Melayu: Satu Tinjauan Historis dalam Islam dan Ketamadunan Melayu Sumbangan ke Arah Kemajuan Sejagat, editor Mohd Roslan Mohd Nor & Khadher Ahmad, jilid 1.
- Shafie Abu Bakar (1994), Keilmuan Islam dan Tradisi Pengajian Pondok, dalam Budi Kencana, Kuala Lumpur.
- Surat Persendirian Syeikh Muhammad Tahir Jalaluddin, *Ta’yid Tadhkirah Muttabi’ al-Sunnah fi al-Rad ‘Ala al-Qa’il bi Sunniyyah Rak’atayn Qabl al-Jum’ah*, No Ruj: 2006/0036134 (1953), Arkib Negara Malaysia, Kuala Lumpur.
- Syed Muhammad Naquib al-Attas (1990), *Islam Dalam Sejarah dan Kebudayaan Melayu*, Petaling Jaya: Angkatan Belia Islam Malaysia.
- Wan Kamal Nadzif bin Wan Jamil, Mohd Zahirwan Halim bin Zainal Abidin & Ahmad Fakhruzzaki bin Mohammed Zabidi (2010), *Manhaj Syeikh Muhammad Arsyad Al-Banjari Dalam Penulisan Hadis: Tumpuan Kepada Kitab Jawi Sabil Al-Muhtadin*, Seminar Serantau Ilmuan Hadith Dalam Peradaban di Alam Melayu.
- Wan Mohd Nor Wan Daud (1997), *Penjelasan Budaya Ilmu*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Wan Mohd Saghir Abdullah (1991), “Mengkaji Kandungan Kitab Hidayah al-Muta’allim Sheikh Daud bin Abdullah al-Fatani”, *Jurnal Dewan Bahasa*.
- William Girdlestone Shellabear (1975), *Sejarah Melayu*, Kuala Lumpur, Fajar Bakti.
- Zurita Mohd Yusoff *et. al.*, (2015), Tok Pulau Manis: Pioneer of Fiqh Writings in the Malay Peninsular, *Asian Social Science*; Vol. 11, No. 1; 2015.